

26/05/2003

Syarikat jualan langsung digalax ke pasaran global

Saring Sirad

KUALA SELANGOR: Kerajaan menggalakkan syarikat jualan langsung di negara ini menceburi pasaran antarabangsa selain meningkatkan pembabitan dalam pasaran domestik berikutan keadaan tidak menentu ekonomi dunia sekerang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Wong Kam Hoong berkata strategi baru itu berkesan, terutama dalam memperkenalkan produk tempatan ke luar negara khususnya produk makanan, ubatan herba dan tradisional.

Sehubungan itu, katanya, syarikat digalakkan menjalankan `penajaan antarabangsa' dengan menaja `downline' dari luar negara. sebagai satu strategi berkesan memperkenalkan produk tempatan di luar negara.

"Kerajaan menyediakan pelbagai insentif dalam bentuk rebat cukai kepada syarikat yang berjaya memasarkan produk ke luar negara, tetapi ia perlu dipohon menerusi kementerian.

"Satu syarat baru yang dikenakan baru-baru ini ialah syarikat jualan langsung produk tempatan yang mahu memasarkan produk ke luar negara perlu mendapat kelulusan kementerian.

"Jualan langsung dikenal pasti sebagai industri yang aktif dan memberi sumbangan besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar.

"Menyedari potensi itu, kementerian bertindak mengecualikan sebanyak 20 peratus cukai terhadap nilai peningkatan pendapatan yang dieksport syarikat jualan langsung, seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pakej strategi baru, Rabu lalu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Penerangan Jualan Langsung, Skim Cepat Kaya dan Perancangan Kewangan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Selangor, di sini semalam.

Wong berkata, kementerian juga mengenal pasti 50 syarikat jualan langsung tempatan yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa di Indonesia, Thailand, Myanmar, India, Singapura, Filipina malah ke Asia Barat dan Amerika.

Mengenai syarikat yang memasarkan barangan import, beliau mahu syarikat berkenaan menjadikan Malaysia sebagai pusat pengedaran.

Mengikut perangkaan yang dikeluarkan Gabungan Persatuan Jualan Langsung Sedunia, Malaysia menduduki tempat ke-12 daripada 49 negara dan menduduki tangga keempat di rantau Asia Pasifik pada 2002.

Katanya, jualan langsung dilihat satu-satunya industri yang tidak terjejas sewaktu kegawatan ekonomi pada 1997 dan 1998 menerusi nilai jualan tahunan yang semakin meningkat dari RM3.26 bilion pada 1997 kepada RM4.5 bilion pada 2000.

Bagi tahun 2001 pula nilai jualannya sedikit merosot disebabkan kelembapan ekonomi kepada RM3 bilion tetapi meningkat semula pada 2002

kepada RM3.5 bilion.